

31 AUG 1997

Merdeka-Mahathir

MAHATHIR AJAK RAKYAT CARI STRATEGI DAN PELAN BARU ISI KEMERDEKAAN

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat mencari strategi dan pelan baru bagi mengisi kemerdekaan negara pada tahun-tahun yang akan datang.

Perdana Menteri berkata jika persiapan awal tidak dibuat dari sekarang bagi menghadapi perubahan dunia, negara pasti tidak akan boleh bersaing dengan negara-negara yang telah maju.

"Ini penting memandangkan negara kita sedang melangkah masuk ke era baru dunia yang akan mengalami perubahan besar ekoran pembangunan pesat sains dan teknologi khususnya teknologi maklumat, multimedia, komunikasi dan pendekatan globalisasi dalam semua aktiviti manusia.

"Yang demikian rakyat kita perlu bersedia mulai dari sekarang bagi menghadapi kedatangan alaf dan abad baru ini," katanya menerusi kata-kata aluan dalam buku cenderamata sempena perbarisan Hari Kebangsaan yang ke-40 di Dataran Merdeka, di sini.

Perdana Menteri berkata selepas 40 tahun merdeka, Malaysia telah melalui proses pembangunan yang pesat dan sedang menuju ke arah menjadi sebuah negara industri.

Kemajuan yang telah dicapai itu menjadikan Malaysia kini sebagai sebuah negara contoh kepada negara-negara membangun dan negara-negara Islam.

"Kejayaan pembangunan negara turut sama dinikmati oleh semua lapisan rakyat kita. Bagi meningkat dan mengekalkan kemajuan ini, rakyat kita hendaklah terus berusaha memainkan peranan masing-masing dengan menambah kemahiran atau kecekapan serta ilmu dalam bidang-bidang yang diceburi mereka," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata dalam pada mereka berusaha mengejar kejayaan, pembangunan dan kemajuan bangsa dan negara, rakyat semestinya tidak harus lupa pembentukan diri ke arah kemuliaan.

Katanya kerajaan mahu pembangunan negara seiring dengan pembangunan kerohanian rakyat kerana keseimbangan antara pembangunan negara dan rakyat penting bagi melahirkan masyarakat madani.

"Pendekatan ini adalah bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan, Akhlak Mulia Masyarakat Jaya. Tema ini dipilih atas kesedaran bahawa perlunya rakyat kita mempunyai ketahanan diri dalam menepis segala ancaman yang boleh meruntuhkan akhlak dan struktur masyarakat kita," katanya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dalam kata-kata aluannya menyebut bahawa kerajaan akan membina sebuah arca dalam usaha memupuk semangat kebangsaan ke dalam jiwa generasi muda.

Beliau bagaimanapun tidak menghurai lanjut mengenai arca itu.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pusat Hari Kebangsaan 1997, beliau berkata generasi muda merupakan golongan yang akan mewarisi segala apa yang disediakan generasi sekarang, oleh itu semua pihak diharap melibatkan diri dalam usaha kerajaan memupuk nilai-nilai murni di kalangan mereka supaya akhlak mulia menjadi teras hidup dalam era multimedia yang serba canggih ini.

"Setelah 40 tahun mencapai kemerdekaan, kita masih lagi diselubungi oleh pelbagai masalah sosial yang nampaknya semakin rumit dan kompleks.

"Oleh itu, pemilihan tema Hari Kebangsaan bagi tahun ini amatlah bertepatan sekali untuk mengingatkan kembali terutamanya generasi muda betapa pentingnya kita memperkukuhkan nilai-nilai budaya yang berteraskan pendidikan akhlak dan moral yang utuh," katanya.

Sabbaruddin berkata hanya dengan akhlak yang mulia, iltizam yang tinggi

serta kesungguhan yang mendalam, sesuatu kejayaan akan dapat dikecapi. --
BERNAMA
AH RON